



Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
(Kementerian Sumber Manusia)

*Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008*  
*(Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008)*

---

## **TUJUAN**

Pameran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua mengenai penganjuran Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008 oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia).

## **LATARBELAKANG**

2. Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kementerian Sumber Manusia) akan menganjurkan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 7 hingga 11 Julai 2008 di Ruang Legar, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

3. Pameran ini adalah sebagai salah satu platform bagi melaksanakan Kempen Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat kebangsaan sebagai acara tahunan.

4. Kempen ini bertujuan untuk menghebahkan maklumat terkini isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja dan majikan. Di samping itu, kempen ini juga akan mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan masyarakat umum.

## **TUJUAN PAMERAN**

5. Penganjuran pameran ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan rakyat negara ini melalui pendekatan berikut :

- i. Mewujudkan suasana masyarakat harmoni, sejahtera dan bahagia melalui penerapan budaya kerja selamat dan sihat;
- ii. Menegaskan kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah-sekolah;
- iii. Mengurangkan kemalangan industri dan penyakit pekerjaan di semua sektor terutama yang melibatkan penggunaan bahan kimia berbahaya; dan
- iv. Mengiktiraf pencapaian pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua sektor.

## PROGRAM CADANGAN KEMPEN

6. Penganjuran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008 mengandungi 11 program utama yang terbahagi kepada dua segmen iaitu seminar dan pameran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

7. Program berkenaan akan melibatkan pelbagai latarbelakang peserta termasuklah warga kerja wanita, pengguna bahan kimia, guru, pegawai pendidikan, orang yang kompeten serta warga kerja sektor swasta dan awam.

8. Ringkasan program Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008 adalah seperti di bawah.

### CADANGAN PROGRAM MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2008

**HARI PERTAMA** : **7 Julai 2008 (Isnin)**  
**Tempat** : **Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC**

**Program 1** : **Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008**  
Perasmi : Y.B. Menteri Sumber Manusia  
Masa : 8.30 pagi hingga 10.30 pagi  
Tujuan : Melancarkan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2008

**Program 2** : **Seminar Keselamatan dan Kesihatan Wanita di Tempat Kerja**  
Masa : 10.30 pagi hingga 5.00 petang  
Sasaran Peserta : Majikan & pekerja sektor swasta, pegawai awam badan bukan kerajaan, peniaga dan orang awam  
Tujuan : Memberi pengetahuan berkenaan pengurusan bahaya kepada wanita di tempat kerja.  
Aktiviti : Ucapan utama Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia dan pembentangan 6 kertas kerja :

- Merangkumi tajuk gender, hak pekerja wanita, "return to work", pengurusan tekanan dan slot pertahanan diri,
- Penceramah terdiri daripada Hospital Kuala Lumpur, JKKP, wakil pekerja dan perunding.

**HARI KE-DUA** : **8 Julai 2008 (Selasa)**  
**Tempat** : **Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC**

**Program 3** : **Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan**  
Perasmi : Y.B. Menteri Pelajaran

Masa : 8.30 pagi hingga 10.30 pagi  
Tujuan : Melancarkan secara rasmi Kempen KKP di sekolah-sekolah yang merangkumi aktiviti :  
i. Kajiselidik KKP di sekolah-sekolah;  
ii. Kursus Kesedaran KKP di sekolah-sekolah yang akan diadakan di 13 negeri pada 2008; dan  
iii. Edaran 3 jenis poster aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah kepada semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

**Program 4 : Seminar Keselamatan dan Kesihatan di Sekolah-sekolah**

Masa : 10.30 pagi hingga 2.00 petang  
Sasaran Peserta : Guru sekolah rendah dan menengah, pegawai pendidikan daerah  
Tujuan : Mempromosi aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah-sekolah  
Aktiviti : Pembentangan kertas kerja oleh 3 orang panel dari JKPP, NIOSH dan PERKESO

**HARI KE-TIGA : 9 Julai 2008 (Rabu)**  
**Tempat : Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC**

**Program 5 : Majlis Perasmian Seminar Pengurusan Bahan Kimia di Tempat Kerja & SHO Dialogue**

Perasmi : Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia  
Masa : 8.30 pagi hingga 10.00 pagi  
Tujuan : Merasmikan Seminar & Dialog yang akan berlangsung selama dua hari iaitu pada 9 dan 10 Julai.

**Program 6 : Seminar Pengurusan Bahan Kimia di Tempat Kerja**

Masa : 10.30 pagi hingga 5.00 petang  
Sasaran Peserta : Pembekal, Pengeluar, Pengimpot, Pengurus, Perunding, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Orang Yang Kompeten, Ahli Akademik, Ahli Kimia, pegawai kerajaan.  
Tujuan : Menghebahkan pengetahuan isu keselamatan bahan kimia terkini termasuklah Konvensyen Senjata Kimia  
Aktiviti : Pembentangan enam (6) kertas kerja :  
▪ Meliputi topik pelaksanaan GHS di Jepun, Cadangan Peraturan Pengelasan, Perlabelan dan Risalah Data Keselamatan Kimia, *Comprehensibility Testing, Responsible Care, Hazard Communication Study* dan *Environmental Hazardous Substance*  
▪ Para penceramah adalah daripada JICA, JKPP, UKM, CICM dan JAS

**HARI KE-EMPAT : 10 Julai 2008 (Khamis)**  
**Tempat : Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC**

**Program 7** : **Seminar Pengurusan Bahan Kimia di Tempat Kerja (sambungan)**

Masa : 8.30 pagi hingga 10.00 pagi  
Aktiviti : Pembentangan kertas kerja bertajuk pelaksanaan Konvensyen Persenjataan Kimia (CWC) oleh Organization for the Prohibition of Chemicals Weapon (OPCW).

**Program 8** : **Majlis Anugerah Cemerlang bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2007**

Masa : 11.00 pagi hingga 2.00 petang  
Sasaran Peserta : Peserta seminar & dialog, para penerima anugerah dan calon anugerah  
Tujuan : Memberi pengiktirafan kepada tempat kerja yang mencapai tahap cemerlang di dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan  
Aktiviti : Penyampaian trofi dan sijil Anugerah (Lampiran A)

- 24 kategori termasuk industri/tempat kerja, wartawan, media dan tokoh,
- Anugerah terbahagi kepada 3 tahap : Emas, Perak, Gangsa dan dua hadiah saguhati.

**Program 9** : **SHO Dialogue**

Masa : 2.30 petang hingga 5.00 petang  
Sasaran Peserta : Peserta seminar & dialog, pegawai keselamatan dan kesihatan (SHO)  
Tujuan : Merupakan lanjutan kepada *SHO dialogue* yang telah diadakan pada bulan Disember tahun 2007.  
Aktiviti : Perbincangan dan percambahan minda berkaitan dengan pelaksanaan sistem kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di antara para peserta dan JKKP dan penambahbaikan.

**HARI KE-LIMA** : **11 Julai 2008 (Jumaat)**

**Tempat** : **Laman Kompleks D, Putrajaya**

**Program 10** : **Program Gaya Hidup Cergas**

Masa : 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari  
Sasaran Peserta : Pegawai dan kakitangan KSM, KDN, KHEDN, Kementerian Pengangkutan, BPR, KPLB, JAKIM, dan semua Jabatan yang berada di Kompleks D.  
Tujuan : Mempromosi gaya hidup cergas melalui senaman dan pemakanan sihat.  
Aktiviti : Sesi ujian kecergasan dan taklimat faedah bersenam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

**HARI PERTAMA HINGGA KE-EMPAT** : **7 – 10 Julai 2008**

**Tempat** : **Legar Putra PWTC**

**Program 11** : **Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang  
Sasaran Peserta : Peserta seminar, majikan, pekerja dan orang awam  
Tujuan : Mempromosi dan mempamerkan kelengkapan dan peralatan keselamatan diri terkini.

**SENARAI KATEGORI PEMENANG  
ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
KEBANGSAAN 2007**

1. Pengilangan Industri Besar – Elektrik/Elektronik
2. Pengilangan Industri Besar - Petroleum/Gas/Kimia
3. Pengilangan Industri Besar – Lain-lain pengilagn
4. Industri Kecil dan Sederhana
5. Perlombongan dan Penguarian
6. Pembinaan
7. Pertanian
8. Perhutanan
9. Perikanan
10. Kemudahan Elektrik
11. Kemudahan Kebersihan
12. Kemudahan Gas
13. Kemudahan Air
14. Pengangkutan
15. Penyimpanan
16. Komunikasi
17. Hotel & Restoran
18. Kewangan, Insuran & Harta tanah
19. Perkhidmatan Perniagaan
20. Perkhidmatan Awam & Pihak Berkuasa Tempatan
21. Perdagangan Borong & Runcit
22. Media
23. Wartawan
24. Tokoh Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara 2008



Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
(Kementerian Sumber Manusia)  
d/a Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

**BORANG TEMPAHAN PAMERAN**

**PAMERAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
SEMPENA MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2008  
PUTRA WORLD TRADE CENTRE, KUALA LUMPUR  
7 – 10 JULAI 2008**

*(Sila faks borang ini kepada Majlis Negara 03-88892354)*

DIISI OLEH PEMPAMER (EXHIBITOR)	
NAMA SYARIKAT	
ALAMAT	
NO. TEL.	
NO. FAKS	
JENIS PERNIAGAAN	
PEGAWAI YANG DIHUBUNGI	
NO. H/P	
EMAIL	
WEBSITE	
JENIS GERAI PAMERAN	<b>'Shell Scheme Booth 3m X 3m' (bersama satu meja kecil dan 2 kerusi)</b>
SEWA GERAI PAMERAN	<b>RM 3,000.00 selama 4 hari untuk satu gerai.</b>
JUMLAH GERAI YANG DITEMPAH	<b>----- unit</b> <i>(Jumlah gerai adalah terhad dan lokasi gerai akan berdasarkan kepada prinsip 'Keutamaan Diberi Kepada Pembayaran Siapa Terdahulu')</i>
TARIKH TUTUP TEMPAHAN	<b>Sebelum 7 Jun 2008</b>
<p>*Pihak kami bersetuju menyewa gerai pameran tersebut dan ini akan tertakluk kepada kelulusan / persetujuan semasa dari pihak penganjur.</p>	
Tandatangan Wakil Syarikat Nama: Jawatan:	
Nota:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Exhibitor kit akan dikeluarkan kepada syarikat selepas menerima pengesahan borang ini.</li><li>2. Sila hubungi pegawai yang tersebut dibawah untuk makluman dan tindakan seterusnya.<ol style="list-style-type: none"><li>a. En. Abdul Rahim bin Hashim (019-2417776)</li><li>b. En. Lee Kem Seng (019-2204588)</li><li>c. En. Mohd Yusri bin Mohd Yusof (019-3154458)</li><li>d. Pn. Jalidah binti Ismail (019-6202322)</li></ol></li></ol>
<b>ALAMAT SURAT MENYURAT</b>	
Setiausaha, Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, d/a Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Aras 4, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Tel: 603-88865000 samb. 5697 Fax: 603-88892354 Web: <a href="http://www.dosh.gov.my">http://www.dosh.gov.my</a> Email: <a href="mailto:kslee@mohr.gov.my">kslee@mohr.gov.my</a>

## VENUE: LEGAR PUTRA, PUTRA WORLD TRADE CENTRE

